

09 AUG 2002

Mahathir-Jurutera/I

PM SERU RAKYAT MALAYSIA AGAR HASILKAN LEBIH BANYAK IDEA BARU

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia terutama para jurutera dan saintis perlu mengemukakan idea baru, teori dan kemahiran bagi menjamin negara terus maju dan tidak semata-mata mengikut jejak langkah orang lain, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Beliau berkata sekiranya rakyat Malaysia takut untuk mencuba perkara baru, kita akan terus terbenam di dalam lumpur, walaupun kita mungkin maju tetapi kita akan mengikut jejak langkah orang lain.

"Sekiranya kamu mempercayai semangat Malaysia Boleh, saya pasti akhirnya kita akan berjaya," kata beliau pada majlis ulang tahun ke-30 Lembaga Jurutera Malaysia, di sini.

Beliau berkata rakyat Malaysia jangan terlalu kolot, terlalu biasa dan terlalu terikat untuk melakukan perkara secara konvensional.

Beliau berkata terutama dalam kejuruteraan, para jurutera perlu melakukan perkara yang berlainan sebab terdapat banyak perkara yang kita boleh lakukan secara berlainan.

Dr Mahathir berkata dengan melahirkan idea baru yang kelihatan kurang betul, rakyat Malaysia perlu sanggup menemui kegagalan.

"Sekiranya kita bersedia menerima risiko, kita akan memperolehnya (kejayaan) sebab semuanya adalah dalam keupayaan kita," kata beliau.

Beliau berkata banyak idea rakyat Malaysia yang kelihatan ganjil dan mustahil dapat dilaksanakan tetapi kita telah membuktikan bahawa rakyat Malaysia boleh memikirkan idea baru dan sekaligus menjayakannya.

"Di Malaysia, kita telah melakukan perkara yang berlainan daripada orang lain, sebagai contoh selepas kemerdekaan negara-negara lain telah memilik negarakan kesemua pegangan asing dalam negara dan menutup pasaran mereka, sementara kita pula melakukan sebaliknya iaitu dengan menjemput pelabur asing untuk mengambil bahagian dalam ekonomi kita dan ini telah membantu memajukan negara," kata beliau.

Dr Mahathir berkata dalam menyelesaikan krisis kewangan 1997-1998, Malaysia melakukan caranya sendiri dan tidak meniru orang lain.

"Kita melakukan perkara yang berlawanan daripada jangkakan," kata beliau dan mencadangkan agar para jurutera menggunakan sepenuhnya teknologi mutakhir terutama teknologi wayarles dalam bidang tugas mereka, khusus dalam membina bangunan tinggi.

Di sebalik kejayaan yang dicapai para jurutera tempatan, Perdana Menteri berharap mereka "keluar dari kepompong masing-masing" dan membiarkan diri mereka terapung daripada semata-mata berjejak di bumi, untuk membolehkan mereka "melahirkan idea baru yang boleh membaiki masalah demi masa depan kita yang lebih baik."

Sebelum itu dalam ucapan, Dr Mahathir berkata para jurutera tempatan telah mencapai kemajuan yang cemerlang dari "kumpulan yang tidak dipercayai" pada era sebelum kemerdekaan dengan hanya memegang jawatan pembantu teknik dan juruteknik walaupun memiliki kelayakan dan kebolehan, dan kini para jurutera tempatan berupaya membina struktur kejuruteraan yang sukar dan dapat mengeksport kemahiran dan kepakaran mereka ke luar negara.

Pada majlis itu Dr Mahathir turut melancarkan buku bertajuk "Jurutera dalam Pembangunan Negara" keluaran Lembaga Jurutera Malaysia dan Sampul Surat Hari Pertama Pos Malaysia mengenai lembaga itu sempena ulang tahunnya.

-- BERNAMA

HK HK HM

